

PELAN TINDAKAN BENCANA DALAMAN
HOSPITAL SERI MANJUNG

PENGENALAN

Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) mendefinisikan bencana sebagai satu kejadian yang berlaku dengan tiba tiba menyebabkan kemusnahan harta benda yang besar, kehilangan nyawa yang ramai dan gangguan kehidupan harian sesebuah masyarakat. Tiga agensi yang dikenal pasti mempunyai peranan yang besar di dalam pengurusan bencana adalah Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kejadian ini memerlukan pengendalian yang komprehensif serta melibatkan sumber, peralatan, kecekapan dan tenaga manusia yang lebih meluas daripada pelbagai agensi serta penyelarasan yang berkesan di mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dalam jangkamasa yang lama.

Pasukan Perubatan Hospital memainkan peranan yang penting dalam usaha menyelamatkan dengan memberikan rawatan yang cepat dan berkesan kepada mangsa mangsa bencana bermula di tempat kejadian oleh pasukan pra hospital, semasa penghantaran mangsa ke hospital dan rawatan selanjutnya di hospital.

Pengendalian bencana akan berbeza mengikut kemampuan sesebuah hospital dari segi kemudahan infrastruktur, kepakaran, kekuatan anggota dan peralatan yang mampu disediakan.

OBJEKTIF

Tujuan Pelan Tindakan Dalam Bencana Hospital Seri Manjung ini diwujudkan adalah untuk:

- a. Menyediakan satu pelan tindakan yang komprehensif untuk digunakan oleh semua anggota Hospital Seri Manjung dalam menghadapi bencana tanpa mengabaikan skop perkhidmatan hospital yang sedia ada.
- b. Menyediakan garis panduan bagi mewujudkan organisasi dan mekanisma pengurusan yang efisien dalam menghadapi bencana yang tidak disangka.
- c. Mewujudkan garis panduan bagi mengaktifkan setiap kakitangan hospital dan juga setiap perkhidmatan kritikal dengan pantas dan efisien dalam menghadapi situasi bencana.
- d. Menetapkan peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan Hospital Seri Manjung semasa terjadinya kejadian bencana.
- e. Memberi panduan kesiapsiagaan semua perkhidmatan klinikal dan bukan klinikal di Hospital Seri Manjung dalam menghadapi bencana.
- f. Memberi garis panduan bagi memberi bantuan pertolongan kecemasan kepada mangsa- mangsa yang ditimpa bencana di tempat kejadian dengan cepat dan berkesan.
- g. Menetapkan garis panduan untuk menubuhkan satu sistem kawalan dan perhubungan dengan tempat kejadian, lain lain hospital dan agensi yang terlibat.
- h. Menyediakan format yang sistematik bagi pengumpulan data data mangsa bencana


Konsep Menghadapi Bencana

DEFINASI

Menurut Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara, kejadian bencana ditakrifkan sebagai sebarang insiden samada semulajadi atau kerana faktor manusia, yang berlaku secara tiba tiba dan menyebabkan kecederaan, kematian dan kerosakan terhadap harta benda atau persekitaran dan menyebabkan gangguan terhadap aktiviti kehidupan seharian. Insiden seperti ini memerlukan pengurusan yang membabitkan sumber, alatan dan kemahiran khas dari pelbagai agensi. Koordinasi secara efektif diperlukan memandangkan jangkamasa pemulihan sepenuhnya mungkin lama dan berpanjangan.

Fasa Fasa Pengurusan Bencana

Fasa fasa bencana adalah mengikut kitaran seperti berikut:



a. Fasa Penghindaran (Mitigation)

Dalam fasa ini, langkah langkah diambil bagi mengelakkan kejadian bencana atau sekurang kurangnya mengambil langkah untuk mengurangkan kesan bencana sekiranya tidak dapat dielakkan. Contohnya amalan menutup suis bila tidak digunakan, arahan melarang merokok dan memastikan sistem perparitan dalam keadaan baik.

b. Fasa Persediaan (Preparation)

Dalam fasa ini, Pelan Tindakan Bencana disediakan. Persediaan ini mengambilkira penglibatan semua pihak yang terbabit secara total dalam respons bencana. Latihan seperti “tabletop exercise”, ‘moulage’ dan ‘drill’ perlu dilaksanakan secara berkala.

c. Fasa Respons (Response)

Dalam fasa ini, petugas bertindak untuk menangani situasi bencana yang berlaku. Ketika fasa ini berlaku, pelan Tindakan Bencana yang baik akan membolehkan tindakan diambil dengan teratur dan terancang.

b. Fasa Pemulihan (Recovery)

Dalam fasa ini, usaha untuk mengembalikan semula semua kerosakan kepada keadaan asal dijalankan. Terdapat beberapa gejala yang berpanjangan dikenalpasti dalam fasa ini, contohnya "*Post traumatic Stress Disorder*". Setelah selesai fasa ini, kitaran akan kembali semula ke fasa penghindaran bencana.

Tahap tahap Pengisytiharan Bencana

‘Yellow Alert’

Ini adalah fasa daripada petugas menerima maklumat berkenaan bencana sehingga situasi bencana disahkan. Semasa fasa ini, petugas hendaklah membuat persediaan untuk menerima jumlah pesakit yang ramai.

‘Red Alert’

Fasa ‘Red Alert’ akan diaktifkan setelah bencana disahkan dan diisytiharkan di peringkat hospital. Pesakit yang datang akan dijangkakan melebihi kapasiti biasa hospital. Bilik Gerakan bencana akan dibuka untuk operasi dan petugas akan melapor diri di bilik

‘Stand Down’

Stand down akan diisytiharkan oleh *on scene commander* di tempat kejadian, dan *chief in command* di hospital. Arahan stand down dikeluarkan setelah aktiviti *search and rescue* di tempat kejadian ditamatkan dan keadaan di hospital terkawal dan boleh beroperasi seperti biasa.

**Pelan Bencana Dalaman
Hospital Seri Manjung**

Analisa risiko di Hospital Seri Manjung

Hospital Seri Manjung merupakan sebuah hospital yang sudah beroperasi selama lebih 20 tahun. Staf hospital yang kini adalah berjumlah 1300 orang dan pesakit lebih kurang 300 orang. Oleh itu, dengan usia hospital yang sebegini, staf dan pesakit terdedah kepada risiko bencana dalaman.

Di antara risiko bencana dalaman di hospital ini ialah

1. Bumbung runtuh akibat ribut
2. Bangunan roboh
3. Tanah mendap
4. Ancaman bom
5. Tumpahan bahan kimia
6. Banjir
7. Tsunami
8. Masalah utiliti

Definasi Bencana Hospital Seri Manjung

Tahap bencana di peringkat Hospital Seri Manjung telah didefinisikan berdasarkan kepada bilangan mangsa yang terlibat:

Bencana

- Mangsa yang di tag Merah dan Kuning berjumlah lebih 20 orang; atau
- Apabila mangsa yang terlibat di tag:
 - Merah: lebih daripada 5 orang; atau/dan
 - Kuning: lebih daripada 15 orang; atau/dan
 - Hijau: lebih daripada 40 orang

Pembentukan Zon Rawatan Di Jabatan Kecemasan dan Trauma

Jabatan Kecemasan dan Trauma akan di susun atur supaya dapat menampung kehadiran pesakit pesakit kejadian bencana dan pesakit sedia ada. Zon klinikal di Jabatan Kecemasan akan dipecahkan kepada dua kategori besar iaitu **Zon Bencana** dan **Zon Bukan Bencana**.

Bilik Gerakan Hospital akan dibuka di Bilik Persidangan, Bahagian Pentadbiran, Hospital Seri Manjung manakala Bilik Operasi Jabatan Kecemasan akan dibuka di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Zon zon bencana terdiri daripada:

- a. Zon Penurunan Pesakit (Drop Zone)
- b. Zon Dekontaminasi
- c. Zon Triaj Bencana
- d. Zon Merah Bencana
- e. Zon Kuning Bencana
- f. Zon Hijau Bencana
- g. Zon Putih – Tempat Simpanan Mayat Bencana

A. Zon Penurunan Pesakit (Drop Zone)

Drop zone untuk pesakit secara jalan darat adalah di hadapan Jabatan Kecemasan dan Trauma.

B. Zon Dekontaminasi

Kes kes bencana yang memerlukan dekontaminasi seperti bencana kimia, radiasi dan wabak, pesakit akan melalui proses dekontaminasi di bilik dekontaminasi Jabatan Kecemasan. Sekiranya jumlah pesakit melebihi kapasiti bilik tersebut, satu khemah akan di dirikan di hadapan bilik dekontaminasi untuk menempatkan pesakit - pesakit menunggu.

C. Zon Triaj Bencana

Proses triaj pesakit akan dijalankan oleh anggota paramedik atau Pegawai Perubatan di tempat kejadian dan dilakukan semula di kaunter triaj di Jabatan Kecemasan semasa pesakit tiba di hospital.

Zon triaj bencana ditempatkan di Pintu B Jabatan Kecemasan. Zon triaj bukan bencana akan beroperasi seperti biasa di kaunter triaj pertama di Jabatan Kecemasan.

D. Zon Merah Bencana

Zon ini adalah untuk pesakit bencana yang kritikal. Ia akan dibuka di Zon Merah sedia ada di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

E. Zon Kuning Bencana

Zon ini adalah untuk pesakit bencana yang separa kritikal. Ia akan dibuka di Zon Kuning sedia ada di Jabatan Kecemasan.

F. Zon Hijau Bencana dan bukan bencana

Zon ini adalah untuk pesakit bencana dan bukan bencana yang tidak kritikal. Zon ini akan dibuka di ruang menunggu sebelah kanan Jabatan Pesakit Luar.

G. Zon Putih Bencana

Zon ini disediakan untuk pesakit pesakit yang telah meninggal dunia akibat bencana. Ia akan dibuka di Jabatan Forensik Hospital Seri Manjung.

H. Zon zon Bukan Bencana

Pesakit pesakit yang datang ke Jabatan Kecemasan yang tidak terlibat dengan bencana akan ditempatkan di zon bukan bencana. Pesakit bukan bencana yang kritikal dan separa kritikal akan ditempatkan di Wad Pemerhatian Jabatan Kecemasan dan Trauma. Ketua Jururawat JKT akan menjadi Penyelaras Zon Bukan Bencana di wad pemerhatian JKT.

Sepanjang pengendalian rawatan bencana, penyelaras di setiap zon hendaklah menghantar maklumat berikut ke Bilik Operasi JKT:

- a. Jumlah pesakit yang di rawat
- b. Jumlah pesakit yang dimasukkan ke wad
- c. Jumlah pesakit yang di pindah ke wad/hospital lain
- d. Jumlah pesakit yang di discaj
- e. Jumlah kematian akibat bencana

Jawatankuasa Pengurusan

Bencana Dalaman

Hospital Seri Manjung


3.1 Organisasi Pengurusan Bencana Hospital Seri Manjung

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Hospital Seri Manjung terdiri daripada


- a) Pengarah Hospital
- b) Timbalan Pengarah Hospital (Klinikal)
- c) Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan)
- d) Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma
- e) Ketua ketua jabatan klinikal dan bukan klinikal
- f) Ketua Jabatan Sokongan Klinikal
- g) Pakar Kecemasan dan Trauma
- h) Penyelia Hospital
- i) Ketua Penyelia Kejururawatan
- j) Ketua Pengawal Keselamatan Hospital

3.2 Bilik Gerakan Bencana Hospital Seri Manjung akan dibuka di Bilik Persidangan, Bahagian Pentadbiran, Hospital Seri Manjung. Bilik Operasi Jabatan Kecemasan dan Trauma (EDOC) akan dibuka di Jabatan Kecemasan.


3.3 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA BENCANA HOSPITAL SERI MANJUNG



Perkhidmatan Rawatan Kecemasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Seri Manjung



Formatted: Font: (Default) Times New Roman, 12 pt



Formatted: Font: (Default) Times New Roman, 12 pt

Senarai Tugas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Hospital

Pengerusi

Pengarah Hospital akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Bencana. Beliau akan dibantu oleh tiga pegawai koordinator dalam pengurusan bencana, iaitu Koordinator Klinikal, Koordinator Pentadbiran Klinikal dan Koordinator Pengurusan.

Peranan Pengarah Hospital adalah

- a. Pengerusi kepada Jawatankuasa Tindakan Pengurusan Bencana Hospital
- b. Pengistiharan fasa amaran merah (Red Alert)
- c. Laporan kepada Jabatan Kesihatan negeri Perak dan CPRC KKM
- d. Mengenalpasti dan melantik Koordinator Klinikal, Koordinator Pentadbiran Klinikal dan Koordinator Pengurusan
- e. Interaksi dengan agensi agensi luar yang berkaitan
- f. Mengendalikan sidang akhbar dan penyalur maklumat bencana
- g. Menguruskan orang kenamaan (VIP) dan Penguasa tempatan yang berkenaan
- h. Mengetuai “Debriefing and Reporting Session”

Koordinator Klinikal

Dilantik oleh Pengarah Hospital dan disandang oleh Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Seri Manjung. Beliau berperanan untuk menyelaras perkhidmatan kecemasan di tempat kejadian dan di hospital. Beliau akan dibantu oleh dua pegawai penyelaras iaitu Penyelaras Perkhidmatan Kecemasan dan Pra Hospital dan Penyelaras Perkhidmatan Forensik.

Peranan Koordinator Klinikal adalah:

- a. Memastikan kesahihan bencana dari Pasukan Pra Hospital
- b. Memaklum dan menasihatkan pengarah Hospital untuk mengisytiharkan bencana
- c. Mengarahkan Penyelia Jabatan Kecemasan untuk membuka zon zon rawatan bencana

- d. Mengarahkan Penyelia Jabatan Kecemasan untuk membuka Bilik Operasi JKT
- e. Memantau koordinasi dan pengurusan pesakit di tempat kejadian
- f. Melaporkan perkembangan kejadian ke Bilik Gerakan Hospital

Penyelaras Rawatan Kecemasan di JKT dan Pra Hospital

Perkhidmatan ini diketuai oleh Pakar Perubatan Kecemasan dan Trauma. Beliau bertugas untuk menyelaraskan dan membentuk zon zon rawatan bencana di hospital. Antara tugas lain adalah

- a. Menyelaras pasukan pra hospital dalam pengurusan rawatan di tempat kejadian
- b. Menyelaras perjalanan zon zon rawatan klinikal
- c. Menyelaras tempat triaj di Jabatan Kecemasan dan Trauma
- d. Berhubung dengan Koordinator Pengurusan bagi tujuan mendapatkan peralatan klinikal
- e. Memberi laporan dari masa ke semasa kepada Koordinator Klinikal tentang situasi terkini bencana serta pengurusan pesakit dan pergerakan anggota hospital yang terlibat.

Pengurusan Rawatan di Jabatan Kecemasan & Trauma

Di Zon Merah bencana, koordinator adalah Pakar Bedah dan dianggotai oleh Pegawai Perubatan Zon Merah JKT, Pegawai Perubatan Anestesiologi, Pegawai Perubatan Surgikal, Pegawai Perubatan Ortopedik, 4 orang Penolong Pegawai Perubatan, 4 orang Jururawat Terlatih dan 4 orang Pembantu Perawatan Klinikal dari jabatan yang sama.

Di Zon Kuning bencana, koordinator adalah Pakar Ortopedik yang dibantu oleh Pakar Ginekologi dan Pakar Pediatrik, bersama Pegawai Perubatan dari unit Pediatrik dan Obstetrik & Ginekologi.

Di Zon Hijau bencana, koordinator adalah Ketua Jabatan Oftalmologi dan dibantu oleh Pakar Psikiatri bersama bantuan dari Pegawai Perubatan dari unit Pesakit Luar, Pediatrik, Psikiatrik dan Oftalmologi, Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perubatan Klinikal dari unit unit yang sama.

Pengurusan Rawatan di Tempat Kejadian

Pasukan pra hospital 1 ini diketuai oleh Pegawai Perubatan Zon Hijau, di bantu oleh Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perubatan Klinikal dan Pemandu. Tugas pasukan ini adalah

- a. Melapor dan bekerjasama dengan 'On Scene Commander'
- b. Menilai situasi di tempat kejadian ('Situational Analysis') dengan menganggar jumlah mangsa yang terlibat, jenis bencana dan memberitahu khidmat sokongan yang diperlukan
- c. Membuka 'Medical Base Station' di tempat kejadian
- d. Memulakan triaj mangsa dna memberi rawatan sewajarnya kepada mangsa mengikut keutamaan
- e. Memberi laporan terkini kepada 'Medical Emergency Call Center'
- f. Berhubung terus dengan Koordinator Klinikal melalui 'Trunk Radio System'.
- g. Membuat keputusan menghantar pesakit ke Hospital.

Pengurusan Pusat Operasi Bencana JKT (EDOC)

Bilik Operasi ini akan dibuka setelah amaran Red Alert dikeluarkan oleh Pengarah Hospital. Pengurusan di Bilik Operasi akan dipantau oleh Ketua Penyelia PPP JKT dan dibantu oleh Penyelia Kanan, dan Ketua Jururawat JKT. Tugas yang perlu dilaksanakan di Bilik Operasi JKT adalah

- a. Mengaktifkan talian terus dan sambungan telefon khas untuk bencana
- b. Menyelaras maklumat terkini dengan Bilik Gerakan Hospital
- c. Mengkoordinasi anggota yang datang melaporkan diri untuk bertugas
- d. Memastikan peralatan seperti troli, kerusi roda mencukupi di Jabatan Kecemasan
- e. Mengatur jadual tugas semua kakitangan dan pasukan petugas JKT
- f. Menguruskan pengagihan makanan kepada kakitangan yang bertugas bersama Jabatan Sajian
- g. Menguruskan keperluan linen untuk zon zon bencana

Perkhidmatan Forensik

Perkhidmatan forensik diketuai oleh Pegawai Perubatan yang menjaga unit forensik Hospital Seri Manjung. Beliau akan dibantu oleh Penyelia PPP dan Pembantu Perawatan Klinikal. Urusan penerimaan dan penyerahan mayat serta bedah siasat akan dijalankan di sini. Sekiranya jumlah kematian melebihi kapasiti Jabatan Forensik, Pegawai Perubatan akan menyelaras bersama Pengarah Hospital untuk menempatkan mayat di hospital kerajaan yang berdekatan.

Koordinator Pentadbiran Klinikal

Koordinator Pentadbiran Klinikal akan diambilalih oleh Timbalan Pengarah Klinikal. Beliau akan menguruskan penempatan staf klinikal Pengurusan dan Profesional, pengagihan pegawai sokongan klinikal dan bukan klinikal kepada zon zon bencana. Antara tugas beliau yang lain adalah

- a. Menguruskan dan mengagih tenaga kerja dan system untuk sumber sokongan klinikal dan bukan klinikal

- b. Memantau secara berterusan keperluan semasa bencana
- c. Menyelaras penempatan pesakit di Hospital Seri Manjung, atau ke hospital berhampiran sekiranya fasiliti tidak mencukupi
- d. Menyelaras perkhidmatan sokongan di dalam hospital seperti dibawah:

Jabatan Patologi	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan laluan khas untuk menghantar specimen, ujian specimen dan mengambil keputusan makmal
Tabung Darah	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bekalan darah mencukupi • Mendapatkan bantuan dari hospital berdekatan jika perlu • Menyediakan kemudahan menderma darah
Jabatan Radiologi	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan mesin xray di Jabatan Kecemasan dan Jabatan Radiologi berada dalam keadaan baik • Menyediakan mesin xray mudah alih jika perlu • Memberi laluan khas untuk mangsa mangsa bencana agar tidak mengganggu operasi biasa
Jabatan Farmasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan bekalan perubatan yang mencukupi untuk mangsa bencana di hospital dan di tempat kejadian • Mewujudkan kaunter farmasi khas untuk mangsa bencana • Mendapatkan bekalan ubat daripada sumber sumber lain jika perlu
Jabatan Kebajikan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan zon bereavement untuk waris pesakit • Memberi khidmat kaunseling kepada mangsa dan keluarga • Bekerjasama dengan Jabatan Psikiatri dan Jabatan Forensik
Dewan Bedah	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan dewan bedah untuk mangsa bencana yang memerlukan pembedahan segera. • Memastikan peralatan dewan bedah lengkap.
CSSD	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan keperluan CSSD yang mencukupi sepanjang tempoh pengurusan bencana

Koordinator Pengurusan


Koordinator Pengurusan diambalilih oleh Timbalan Pengarah Pengurusan. Beliau berperanan untuk memantau secara berterusan perkhidmatan bukan klinikal sepanjang tempoh bencana.

Antara perkhidmatan yang dikoordinasikan oleh beliau adalah:

Bilik Gerakan Bencana Hospital	<ul style="list-style-type: none">• Menyelaras tugas tugas urusan bencana di Hospital• Mengumpul maklumat dari unit unit• Melaporkan maklumat ke Pejabat JKN dari masa ke semasa• Membantu menyediakan peralatanmedikal mencukupi untuk disalurkan ke zon zon bencana• Membantu menyediakan keperluan logistic ke zon bencana
Jabatan Rekod Perubatan	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan fail fail khas untuk pesakit pesakit bencana• Mengendalikan dokumentasi bencana• Menyimpan rekod rekod pesakit bencana dengan selamat• Menyediakan statistic bencana
Jabatan Sajian dan Diet	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan makanan untuk kakitangan yang bertugas dan pesakit di tempat kejadian, di zon zon pengendalian bencana, wad bencana di samping pesakit pesakit sedia ada.• Menyediakan makanan di ruang rehat kakitangan bersebelahan Dewan Mutiara sepanjang bencana berlaku
Unit Keselamatan	<ul style="list-style-type: none">• Diketuai oleh Pegawai Keselamatan Hospital• Mengawal lalu lintas dalam kawasan hospital• Mengenalpasti laluan khas untuk pesakit dan pelawat• Memastikan kawalan pihak media dan keluarga pesakit agar tidak mengganggu rawatan pesakit pesakit
Unit Hasil	<ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan sistem pendaftaran pesakit bencana yang efisien dan berasingan dari pesakit biasa• Bekerjasama dengan Jabatan Rekod untuk menyediakan statistic bencana
Unit Media dan Teknologi	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan tempat untuk sidang media• Membentuk pusat komunikasi dan informasi yang dianggotai

	oleh Pegawai Khidmat Pelanggan khasnya untuk keluarga mangsa
Unit Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pengangkutan mencukupi dan dalam keadaan yang baik • Menyelaras bersama Pengarah Hospital untuk pinjaman pengangkutan dari fasiliti kesihatan yang lain sekiranya perlu
Edgenta Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan kebersihan di zon zon terlibat • Memastikan keperluan linen mencukupi • Menyediakan bekalan keperluan pelupusan sisa klinikal dan sisa domestic • Menjalankan perkhidmatan kawal selia peralatan perubatan • Menyelaras mendapatkan bantuan logistik (bekalan elektrik dan air

CARTA ALIRAN PELAN TINDAKAN BENCANA DALAMAN HOSPITAL SERI MANJUNG



**PELAN TINDAKAN BENCANA DALAMAN
HOSPITAL SERI MANJUNG**

BIL	AKTIVITI	KEMUNGKINAN MASALAH YANG TIMBUL	INDIVIDU YANG PERLU DIHUBUNGI	SISTEM PEMULIHAN
1.	1. Bumbung runtuh akibat ribut 2. Bangunan roboh 3. Tanah mendap	<ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan kepada anggota/pesakit/waris • Aktiviti rawatan kepada pesakit tidak dapat diberikan - Bekalan utiliti terganggu 	<ul style="list-style-type: none"> - Telefonis - Pasukan perubatan (kecemasan) - Pengarah - Pasukan penyelamat bomba/ polis 	<ul style="list-style-type: none"> - Memindahkan pesakit ke tempat selamat (evakuasi) - Member rawatan kepada mangsa yang cedera - Mengaktifkan kontigensi pelan utiliti - Menyediakan kemudahan asas di tempat pemindahan - ' codon area'
2.	Ancaman bom	<ul style="list-style-type: none"> • Staf/ waris/ pesakit berasa panik dan keadaan menjadi huru - hara • Mengakibatkan kecederaan pada pesakit/ staf • Perkhidmatan rawatan kepada pesakit terganggu 	<ul style="list-style-type: none"> • Telefonis • Pengarah • Pasukan pemusnah bom (PDRM) • Pegawai keselamatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengosongan bangunan (dengan mengaktifkan 'fire alarm system') • Rawatan kepada mangsa yang tercedera • Menyediakan kemudahan asas di tempat pemindahan
3.	Tumpahan bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota mengalami gejala 	<ul style="list-style-type: none"> • Telefonis • Pengarah 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengosongan kawasan terlibat


	kimia	<p>keracunan atau kecederaan (pedih mata, kegatalan pada kulit, sakit tekak)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Unit yang terlibat tidak dapat berfungsi • Berlaku kerosakan pada alatan 	<ul style="list-style-type: none"> • HAZMAT • Edgenta • Pegawai keselamatan 	<p>(evakuasi)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan ‘ codon area ’ • Memberi rawatan kepada anggota yang tercedera di jabatan kecemasan • Melakukan proses pembersihan di kawasan terlibat
4.	Banjir Tsunami	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan dalaman hospital tergendala • Pergerakan anggota keluar/ masuk terhalang • Terputus bekalan makanan/ utiliti/ ubat – ubatan • perkhidmatan rujukan keluar hospital untuk pesakit tidak dapat berfungsi • kerosakan pada peralatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Telefonis • Pengarah • Ketua jabatan/ ketua unit yang berkaitan • Pasukan bomba/ JPA 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan penginapan dan makanan anggota • Mewujudkan pengangkutan khas seperti lori, bot KKM/ bomba • Pembekuan cuti anggota • Penjadualan semula tugas anggota
5.	Masalah utiliti	*Boleh merujuk kepada pelan kontigensi utility (seperti di lampiran)		

**Fasa Pembentukan Zon Rawatan
di Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Seri Manjung**

Ulasan Fasa Pengaktifan Bencana di Hospital

- a. Pengarah Hospital mengisytiharkan **Red Alert**.
- b. Semua Pegawai Perubatan atas panggilan untuk setiap disiplin dimaklumkan mengenai bencana oleh Pegawai Khidmat Pelanggan hospital
- c. Pegawai Perubatan atas panggilan memaklumkan kepada Pakar atas panggilan dan Ketua Jabatan masing masing
- d. Pegawai Perubatan hadir ke Bilik Gerakan Hospital di Bilik Persidangan, bahagian Pentadbiran untuk melaporkan diri dan mengambil **Action Card** masing masing
- e. Pegawai hadir ke zon yang telah ditetapkan untuk bertugas.
- f. Pegawai bertugas mengikut arahan Koordinator zon dan tugas yang tertera pada action card masing masing.

CARTA ALIR FASA PENGAKTIFAN ZON RAWATAN BENCANA DALAMAN
DI HOSPITAL SERI MANJUNG



Penyelaras Operasi Di Jabatan Kecemasan dan Trauma

Pakar Perubatan Kecemasan yang akan mengetuai operasi menghadapi bencana di Jabatan Kecemasan, Hospital Seri Manjung.

Penyelarasan operasi JKT dan Pra Hospital akan di jalankan di Bilik Operasi Bencana JKT manakala penyelarasan operasi bencana hospital akan dijalankan di Bilik Gerakan Bencana Hospital.

Sekiranya Pakar Perubatan kecemasan bercuti atau di luar kawasan, Ketua Jabatan Pembedahan akan mengambil alih tanggungjawab menyelaras dan dibantu oleh Penolong Pegawai Perubatan U32 JKT.

Aturan Logistik Rawatan Mangsa Jabatan Kecemasan dan Trauma Semasa Bencana

Jabatan Kecemasan dan Trauma akan di susun atur supaya dapat menampung kehadiran pesakit bencana dan pesakit yang sedia ada. Bilik Operasi Bencana JKT akan dibuka dan zon rawatan di JKT akan dipecahkan kepada dua kategori iaitu **Zon Zon Bencana** dan **Zon Zon Bukan Bencana**.

a. Zon zon Bencana

No	Zon Bencana	Ulasan
1	Zon Penurunan Mangsa (Drop Zone)	<ul style="list-style-type: none">• Drop zone untuk pesakit secara jalan darat adalah di hadapan JKT• Drop zone bagi helikopter adalah di Lapangan Terbang Sitiawan, Padang Sekolah SK Seri Manjung atau Helipad di Pengkalan TLDM
2	Zon Dekontaminasi	<ul style="list-style-type: none">• Kes kes yang perlu dekontaminasi, pesakit akan di dekontaminasi di bilik dekontaminasi JKT.• Khemah akan didirikan di hadapan bilik dekontaminasi untuk menampung jumlah pesakit yang ramai.• Koordinator: Penyelia JKT• Petugas: seorang PPP JKT dan seorang PPK JKT
3	Zon Triaj bencana	<ul style="list-style-type: none">• Zon triaj bencana terletak di Pintu B JKT• Koordinator: Pakar Kecemasan dan Trauma• Petugas:<ul style="list-style-type: none">Seorang Pegawai Perubatan JKTSeorang PPP dari JKTSeorang JT JKTSeorang PPK JKTSeorang Pembantu Tadbir/ Hasil

4	Zon Merah Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Zon ini adalah bagi kes yang kritikal • Ia dibuka di Zon Merah sedia ada di JKT • Koordinator: Pakar Bedah • Petugas: <ul style="list-style-type: none"> Pegawai Perubatan Zon Merah JKT Pegawai Perubatan Bius Pegawai Perubatan Surgikal Pegawai Perubatan Ortopedik 1 orang PPP, 1 orang JT, 1 orang PPK dari jabatan jabatan yang sama (Jumlah 4 pasukan)
5	Zon Kuning Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Zon ini adalah bagi kes yang separa kritikal. • Ia dibuka di zon kuning sedia ada di JKT • Koordinator: Pakar Ortopedik • Petugas: <ul style="list-style-type: none"> Pakar O&G Pakar Pediatrik Pegawai Perubatan Pediatrik, Surgikal dan O&G 1 orang JT dan 1 orang PPK dari jabatan yang sama (Jumlah 3 pasukan)
6	Zon Hijau Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Zon ini adalah bagi kes bukan kritikal. • Ia akan dibuka di koridor kanan Jabatan Pesakit Luar • Koordinator: Pakar Oftalmologi • Petugas: <ul style="list-style-type: none"> Pakar Psikiatri Pegawai Perubatan Pediatrik, JPL dan Oftalmologi PPP, JT dan PPK dari unit yang sama (Jumlah 3 pasukan)
7	Zon Putih bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Zon ini menempatkan mangsa bencana yang telah mati • Ia akan dibuka di Unit Forensik. • Koordinator: Pegawai Perubatan y/m Unit Forensik

		<ul style="list-style-type: none"> • Petugas: Penyelia Unit Forensik PPP JKT dan PPK unit forensik
8	Wad Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Pesakit pesakit bencana yang stabil tetapi memerlukan rawatan dan pemerhatian lanjut akan dimasukkan ke Wad bencana • Wad 6 akan dibuka sebagai wad bencana • Koordinator: Pakar Perubatan • Petugas: 3 Pegawai Perubatan – Oftalmologi, Medikal dan surgical/ ortopedik 1 Ketua Jururawat Wad 6 4 JT dan 3 PPK dari wad 6
9	Zon Pusat Maklumat Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Pusat Informasi Hospital • Petugas: Pegawai Perhubungan Awam dan Penyelia Jururawat • Nama dan maklumat pesakit akan dikemaskini oleh Bilik Gerakan untuk Pusat ini sebagai rujukan waris mangsa bencana • Pengumuman tentang situasi bencana akan dibuat setiap 1 jam kepada waris waris •
10	Pusat Kaunseling Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Zon ini dibuka untuk memberikan rawatan kaunseling untuk mangsa dan keluarga mangsa • Ruang untuk <i>grief</i> dan <i>bereavement</i> • Lokasi: Di Unit Psikiatri • Koordinator: Pegawai Perubatan Psikiatri • Petugas: Pegawai kaunseling Pegawai Perubatan Psikiatri Pegawai Kebajikan Sosial Ketua Jururawat Psikiatri PPK Psikiatri

11	Zon Media Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Zon ini dibuka sebagai kawasan pengumpulan pihak media untuk membuat sidang media. • Lokasi: Lobi Utama Hospital Seri Manjung berhadapan dengan Sudut Bacaan Awam • Koordinator: Pegawai IT dan Unit Perhubungan Awam
12	Zon Rehat Kakitangan dan Briefing	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang ini dibuka untuk menjaga kebajikan petugas petugas kesihatan bencana berehat dan mendengar briefing dari pihak pentadbiran hospital • Lokasi: Dewan Mutiara dan ruang bersebelahannya • Makanan akan disediakan oleh Unit Sajian dan Dietetik
13	Bilik Gerakan Bencana Hospital	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik ini dibuka di Bilik Persidangan, Bahagian Pengurusan Hospital Seri Manjung. • Diketuai: Pengarah Hospital • Penyelaras: Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma • Petugas: <ul style="list-style-type: none"> Timbalan timbalan Pengarah Semua Ketua Jabatan & Unit Penyelia Hospital Ketua Penyelia Jururawat Penolong Pegawai Tadbir Ketua Unit Konsesi Penolong Pegawai Keselamatan

b. Zon Zon Bukan Bencana

No	Zon Bukan Bencana	Ulasan
1	Triaj Bukan Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di zon triaj pertama sedia ada di JKT • Petugas: PPP JKT Triaj
2	Triaj Sekunder	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di zon triaj sekunder sedia ada di JKT • Petugas: PPP JKT Triaj Sekunder
3	Zon Merah Bukan Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Sebelah kanan Wad Pemerhatian JKT • Untuk merawat kes kes kritikal bukan bencana • Koordinator: Pakar Medikal • Petugas: Pegawai Perubatan Medikal 2JT Medikal 2PPK Medikal
4	Zon Kuning Bukan Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Sebelah kiri Wad Pemerhatian JKT • Untuk merawat pesakit pesakit bukan bencana yang separa kritikal • Koordinator: Pakar Medikal • Petugas: Pegawai Perubatan Medikal JT Ortopedik dan Pediatrik PPK Ortopedik dan Pediatrik
5	Zon Hijau Bukan Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Jabatan Pesakit Luar • Pesakit bukan bencana zon hijau akan dihantar ke bahagian kiri Jabatan Pesakit Luar • Koordinator: Ketua Jabatan Pesakit Luar • Petugas: Pegawai Perubatan JPL Penolong Pegawai Perubatan JPL JT JPL, PPK JPL

c. Zon Zon Sokongan di Jabatan Kecemasan dan Trauma

No	Zon Sokongan	Ulasan
1	Pendaftaran JKT	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Zon Triaj Bencana • Penyelaras: Penyelia JKT PPP U32 • 1 Pembantu Tadbir Hasil • 1 Pembantu Tadbir Hasil/ Pentadbiran
2	Pendaftaran Green Zone Bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Zon Pendaftaran JPL • Penyelaras: Penyelia JPL U32 • 2 Pembantu Tadbir Pentadbiran/ Hasil
<p>Pendaftaran akan dilakukan dengan kaedah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kad bencana dan buku pendaftaran khas • Petugas akan bergerak dari satu mangsa ke satu mangsa untuk mendapatkan identiti mangsa • Kad pesakit akan menggunakan nombor siri. Mangsa akan di tagkan di tangan kanan, mengikut nombor yang sama. • Kad yang telah didaftarkan, diletakkan bersama mangsa di dalam fail khas yang mengandungi BHT, borang makmal, borang masuk wad, label spesimen dan botol spesimen • Pembantu tadbir hasil akan mengumpulkan, merekod dan menyimpan harta benda pesakit • Keperluan seperti beg plastik (simpan harta pesakit), borang merekod harta pesakit akan disediakan • Tiada bayaran akan dikenakan 		
3	Daftar Masuk Wad	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi: Unit Hasil bersebelahan JKT • Penyelaras: PPP U32 JKT • Petugas: Pembantu Tadbir Hasil • Petugas wad bencana akan membuat pendaftaran masuk wad bagi kes kes bencana yang perlu dimasukkan ke wad • Pesakit bencana akan dimasukkan ke wad dahulu sebelum pendaftaran bagi mengelakkan kesesakan di JKT

**Fasa Pengaktifan Perkhidmatan Sokongan
Hospital Seri Manjung Semasa Bencana**

Fasa Pengaktifan Perkhidmatan Klinikal dan Pentadbiran Semasa Bencana

Perkhidmatan Pesakit Dalam dan Sumber Manusia

- i. Diketuai oleh Timbalan Pengarah Perubatan(TPP) sebagai Koordinator Pentadbiran Klinikal
 - ii. Dibantu oleh Penyelia Jururawat di dalam wad dari segi penyediaan anggota, bekalan ubat dan lain lain
 - iii. Menentukan pergerakan pesakit dan sumber manusia
 - iv. TPP akan menghubungi semua Ketua Jabatan untuk menggerakkan anggota perubatan ke lokasi mengikut Action Card yang disediakan
 - v. TPP akan menghubungi Pakar Bius untuk menyediakan dewan bedah dan wad rawatan rapi
 - vi. TPP akan menghubungi ketua ketua unit untuk menyediakan wad wad yang bakal digunakan
- a. **Wad Bencana**
- i. Ketua Jururawat hendaklah menyediakan ruang dan peralatan yang mencukupi untuk menerima pesakit pesakit bencana yang memerlukan rawatan dan pemerhatian lanjut.
 - ii. Memastikan wad bencana mempunyai jumlah petugas yang mencukupi
- b. **Wad Khusus**
- i. Ketua ketua unit wad khusus seperti ICU, NICU, CCU bertanggungjawab untuk menyediakan tempat, peralatan dan anggota yang mencukupi
 - ii. Penyelia atau ketua Jururawat wad khusus akan bekerjasama dengan unit di hospital hospital lain untuk mendapatkan bekalan peralatan bagi unit masing masing.

c. Wad Umum

- i. Ketua jururawat akan mengenalpasti pesakit pesakit dari wad bencana yang boleh diterima di wad masing masing bagi membolehkan wad bencana menerima kemasukan pesakit bencana
- ii. Memastikan jumlah petugas dan peralatan mencukupi
- iii. Menguruskan pemindahan pesakit pesakit yang stabil ke wad wad lain jika perlu

d. Dewan Bedah

- i. Ketua Unit akan memastikan anggota dan peralatan mencukupi bagi mengendalikan kes pembedahan
- ii. Mengenalpasti dewan dewan bedah yang boleh digunakan
- iii. Mengenalpasti kes kes yang boleh ditunda
- iv. Pakar Bius bertanggungjawab memindahkan kes kes elektif yang telah berada di dalam Dewan Bedah ke wad masing masing
- v. Menyiapkan peralatan resusitasi sebelum kes kes di bawa masuk
 1. Airlock
 2. Kaunter Penerimaan
 3. Kaunter Pemulihan

e. Makmal

- i. Diselaras oleh Pakar Patologi dan dibantu oleh Pegawai Patologi
- ii. Mengadakan laluan khas untuk menghantar spesimen dan mengambil keputusan makmal
- iii. Mengadakan kaunter khas untuk ujian ujian darah bagi mangsa bencana

f. Tabung Darah

- i. Diselaras oleh Pakar Patologi dan dibantu oleh Pegawai Perubatan y/m Tabung Darah
- ii. Memastikan bekalan darah mencukupi
- iii. Mendapatkan bantuan dari hospital berdekatan jika perlu

iv. Menyediakan kemudahan menderma darah

g. Jabatan Pengimejan dan Diagnostik

- i. Diketuai oleh Pakar Radiologi
- ii. Memastikan mesin X ray di JKT berada dalam keadaan baik
- iii. Memastikan mesin X ray di jabatan berada dalam keadaan baik
- iv. Menyediakan X ray mudah alih jika perlu
- v. Mengadakan laluan khas xray untuk pesakit bencana
- vi. Memastikan kakitangan jabatan mencukupi

h. Farmasi

- i. Diketuai oleh Ketua Jabatan Farmasi
- ii. Menyediakan bekalan perubatan yang mencukupi untuk mangsa bencana
- iii. Mewujudkan kaunter farmasi khas untuk mangsa bencana
- iv. Mendapatkan bekalan ubat daripada sumber sumber lain jika perlu

i. Rekod Perubatan

- i. Diketuai oleh Ketua Jabatan Rekod
- ii. Mengendalikan dokumentasi bencana
- iii. Menyediakan fail khas untuk BHT pesakit pesakit bencana
- iv. Menyediakan statistic bencana
- v. Menyimpan dokumen dengan selamat

j. Sajian dan Dietetik

- i. Diketuai oleh Ketua Jabatan Sajian dan Dietetik
- ii. Menyediakan makanan untuk petugas kesihatan di tempat kejadian dan hospital serta pesakit
- iii. Mencari bahan mentah untuk keperluan semasa bencana jika perlu

Perkhidmatan Pentadbiran

1. Diketuai oleh Timbalan Pengarah Pengurusan sebagai Koordinator Pentadbiran Pengurusan
2. TPP akan menyelia perkhidmatan sokongan, logistik, perancangan dan keperluan kewangan semasa bencana

- a. Pusat Media dan Maklumat
 - i. Diselaraskan oleh Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai IT
 - ii. Mengadakan tempat untuk sidang media
 - iii. Membentuk pusat komunikasi dan informasi yang dianggotai oleh Pegawai Khidmat Pelanggan
- b. Pengurusan Kewangan
 - i. Diterajui oleh Penolong Akauntan
 - ii. Menguruskan pembelian dan pembayaran untuk peralatan menghadapi bencana
- c. Perkhidmatan Sokongan Seliaan
 - i. Diseliaikan oleh Edgenta Sdn Bhd
 - ii. Memastikan kebersihan di zon yang terlibat
 - iii. Menyediakan bekalan keperluan pelupusan sisa klinikal dan sisa domestik
 - iv. Menjalankan perkhidmatan kawalselia peralatan perubatan
 - v. Memasang khemah untuk tempat menunggu keluarga mangsa atas arahan Bilik Gerakan Hospital
 - vi. Menyelaras bantuan logistik (bekalan elektrik dan air) sekiranya perlu
- d. Keselamatan
 - i. Diketuai oleh Penolong Pegawai Keselamatan
 - ii. Mengawal lalulintas dalam kawasan hospital
 - iii. Mengenalpasti laluan khas untuk pesakit dan pelawat
 - iv. Memastikan kawalan pihak media dan orang ramai

Fasa Pemulihan dan Pengurusan Selepas Bencana

Fasa Pemulihan dan Pengurusan Selepas Bencana

Apabila tiada lagi mangsa bencana yang dibawa ke JKT dan semua mangsa telah dimasukkan ke wad atau dipindah keluar dari JKT, Penyelaras Operasi Bencana akan mengumpulkan maklumat mengenai status bencana dan melaporkan kepada Pengarah Hospital.

Setelah Pengarah Hospital berpuas hati dan keadaan hospital terkawal, beliau akan mengisytiharkan **Stand Down** bencana. Pengisytiharan akan dibuat melalui PA system. Semua staf hendaklah melapor diri semula ke Bilik Gerakan Hospital dan menyerahkan Action Card masing masing.

Perkara perkara yang perlu dilaksanakan oleh setiap Penyelaras yang terlibat dalam operasi bencana adalah seperti di bawah:

No	Zon bencana	Tindakan
1	Bilik Gerakan Bencana Hospital	<ul style="list-style-type: none">• Menerima arahan Stand Down dari Medical Commander• Memastikan arahan stand down disampaikan kepada semua petugas• Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Operasi Bencana
2	Bilik Operasi Bencana JKT	<ul style="list-style-type: none">• Menerima arahan stand down dari Medical Commander• Memastikan arahan stand down disampaikan kepada semua petugas• Membuat laporan penuh insiden, jumlah dan pergerakan mangsa
3	Zon Merah, Kuning & Hijau	<ul style="list-style-type: none">• Membuat laporan penuh insiden, jumlah dan pergerakan pesakit• Memulangkan semua peralatan ke tempat asal• Melaporkan alatan yang rosak/hilang semasa rawatan• Meminta Edgenta membantu membersihkan zon zon terlibat
4	Wad Bencana	<ul style="list-style-type: none">• Membuat laporan penuh insiden

		<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan laporan statistic pesakit mengikut disiplin masing masing • Memulangkan semua peralatan yang dipinjam • Melaporkan alatan yang rosak/hilang semasa rawatan • Meminta Edgenta membantu membersihkan wad
5	Khidmat Sokongan (Farmasi, Radiologi, Sajian, Pejabat Rekod, Keselamatan, Edgenta)	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat laporan penuh insiden mengikut disiplin • Menggantikan semula stok yang berkurangan • Memulangkan semua alatan yang dipinjam • Membuat laporan alatan yang rosak/hilang semasa rawatan • Menyimpan semua rekod di Jabatan Rekod • Membersihkan zon masing masing

Jawatankuasa Penilaian Semula Operasi Bencana

- a. Jawatankuasa Penilaian semual operasi bencana akan ditubuhkan seurus selepas pengumuman Stand down Bencana telah dibuat.
- b. Jawatankuasa ini terdiri daripada:
 - i. Pengarah Hospital
 - ii. Timbalan timbalan Pengarah Hospital
 - iii. Semua Ketua ketua jabatan dan Unit
 - iv. Penyelia penyelia Hospital dan Jururawat
- c. Tugas jawatankuasa ini adalah:
 - i. Menerima semua laporan dari Koordinator
 - ii. Menjalankan penyiasatan yang perlu
 - iii. Menyediakan laporan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Negeri dan pihak Berkuasa Negeri
 - iv. Membantu menyediakan sidang media untuk Pengarah Kesihatan Negeri
 - v. Menubuhkan klinik khas psikiatri untuk tujuan *Post traumatic Stress Disorder* bagi petugas hospital
 - vi. Surat penghargaan kepada semua petugas yang terlibat

Lampiran

